**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**ISNIN 22 JANUARI 2024**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5. | KPKM PERKASA INDUSTRI AKUAKULTUR, NASIONAL, SH -10<br>PETANI TERJEJAS BANJIR DIBANTU, NASIONAL, SH -12<br>PENGILANG SEDIA BERI KERJASAMA, MAKLUMAT SIASAT KARTEL PADI, DALAM NEGERI, UM -12<br>'KITA TIDAK MAHU TUDUH SESIAPA', LOKAL, HM -11<br>MAT SABU: GOVT TO ADDRESS CARTELS CLAIMS IN RICE SYSTEM, NATION, THE STAR -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6.<br><br>7. | JABATAN PERIKANAN PANTAU ISU CURI BENIH KERANG DI SEKINCHAN, NEGERI SELANGOR, SH -28<br>CEROBOH LAUT CURI IKAN PERAK, NEGARA, KOSMO -17 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9. | NO RAIN A PAIN DOR PADI FARMERS, NATION, THE STAR -5<br>VARIETI BENIH PADI PERLU DIUJI KESESUAIAN, DALAM NEGERI, UM -7 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |



Sinar Harian
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

# KPKM perkasa industri akuakultur

Sasar pengeluaran 500,000 tan metrik tahun ini

Oleh NORAFIZA JAAFAR
RAWANG



Mohamad (tiga dari kiri) meninjau operasi kolam ikan diusahakan ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus fokus dalam memperkasa industri akuakultur dengan sasaran pengeluaran sebanyak 500,000 tan metrik tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sasaran berkenaan melibatkan 60 peratus sumber akuakultur dan 40 peratus perikanan tangkapan.

Menurutnya, lima hala tuju kementerian bagi tahun 2023 akan diteruskan pada tahun ini dengan Jabatan Perikanan bertanggungjawab terhadap hala tuju pemerkasaan industri akuakultur.

"Pemerkasaan sektor akuakultur adalah bagi mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semula jadi.

"Kita semakin menghampiri kepada SSR (kadar sara diri) melalui tangkapan ikan air tawar dan hasil laut yang bertambah.

"Pada masa sama, kita harus teruskan kempen makan ikan air tawar bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber tangkapan laut," katanya ketika lawatan ke ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd di Bestari Jaya di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain.

ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd merupakan pemenang Anugerah Penternak Cemerlang (Kategori Ikan Air Tawar) 2023.

Lawatan tersebut bagi melihat perkembangan semasa sektor penternakan akuakultur Selangor.

Untuk rekod, pengeluaran akuakultur Selangor mencatat 90,800 tan metrik dengan nilai RM1.25 bilion dalam tempoh tiga tahun antara 2020 hingga 2023.

Perikanan Selangor menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 30,347 tan metrik tahun ini.

Pengeluaran bagi tahun 2023 melalui penternakan ikan air tawar sebanyak 19,279 tan metrik melibatkan 147 penternak diikuti penternakan ikan air payau, 2,543 tan metrik dengan 183 penternak.

Penternakan ikan hiasan mencatatkan pengeluaran 546,438 tan metrik libatkan 18 penternak dan 30 penternak bagi 155,226,208 benih kerang.

Hulu Selangor menjadi daerah tertinggi bagi pengeluaran ikan keli iaitu 10,170 tan metrik dengan nilai hampir RM58 juta manakala Hulu Langat mencatat pengeluaran ikan tilapia tertinggi sebanyak 2,914 tan metrik dengan nilai lebih RM40 juta.

Bagi pengeluaran benih ikan keli di Selangor pula, daerah Gombak merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 89,280,600 tan metrik dengan nilai lebih RM8.3 juta.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, selain akuakultur, kementerian turut menumpukan kepada SSR pengeluaran beras.

"Saya dan kementerian berharap pesawah secara tradisi diteruskan dan pada masa sama mahu galakkan penglibatan swasta.

"Dalam mencukupkan bekalan beras, satu perkara serius perlu diusahakan dengan melibatkan semua pihak daripada menteri, pegawai kerajaan, pemain industri serta swasta bagi mencapai SSR.

"Dengan itu, jika berlaku masalah sekatan eksport dari luar negara, ia dapat diatasi," ujarnya.

Sementara itu, Adnan berkata, sebanyak 10 kawasan pengeluaran akuakultur telah dipilih dan akan dipantau bagi menjayakan sasaran pengeluaran 500,000 tan metrik.

"Kawasan ini juga akan diberi perkhidmatan dari segi khidmat teknikal, pinjaman sangkar serta bantuan berbentuk *in-kind*.

"Permintaan dan pengeluaran ikan akuakultur di Malaysia dijangka meningkat, sekali gus dapat membantu pendapatan penternak serta pengusaha produk berasaskan ikan akuakultur," jelasnya.

Beliau turut menasihati golongan muda untuk menceburi bidang tersebut yang berpotensi menjana pendapatan dan ekonomi di samping menjamin kelangsungan keterjaminan makanan.

"ARC Berkat adalah penternak akuakultur yang menjalankan perusahaan ternakan, pembenihan dan produk pemprosesan ikan keli serta tilapia merah yang turut menawarkan kursus ternakan ikan air tawar.

"Perusahaan ditubuhkan sejak tahun 2007 ini berjaya menghasilkan benih ikan air tawar berkualiti tinggi dengan peratusan kematian rendah serta menternak ikan dengan kuantiti tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan," katanya.



Mohamad mencuba proses pengeluaran telur ikan dibantu oleh Pengarah Eksekutif ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd, Hazarul Hafzam Mohamed Zaki (kanan) pada program lawatan di ladang pembenihan dan ternakan ikan air tawar itu di Rawang pada Ahad



ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd adalah penternak akuakultur yang menjalankan perusahaan ternakan, pembenihan dan produk pemprosesan ikan keli serta tilapia merah yang turut menawarkan kursus ternakan ikan air tawar.



Mohamad menunjukkan kemahiran menjala ikan tilapia merah di kolam pada lawatan tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Petani terjejas banjir dibantu

## Jabatan Pertanian beri sumbangan baja, racun dan kit agromakanan

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN



Arthur (tengah) dan Mohd Shahar (enam dari kiri) bersama petani-petani yang menerima bantuan ketika Program Walkabout Sentuhan Agro Madani peringkat Parlimen Paya Besar di Kampung Sungai Atong pada Sabtu.

Seramai 22 petani Projek Kelompok Kampung Sungai Atong yang terkesan akibat bencana banjir pada akhir Disember tahun lalu menerima bantuan daripada Jabatan Pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, bantuan berupa input pertanian seperti baja dan racun serta kit agromakanan diagihkan kepada pengusaha tanaman tebu di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Pahang itu.

"Bantuan ini sediakan bagi membantu kumpulan sasar yang terkesan akibat banjir untuk bangkit semula membina kapasiti dan seterusnya menyumbang kepada keterjaminan makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas Program Walkabout Sentuhan Agro Madani peringkat Parlimen Paya Besar di Kampung Sungai Atong di sini pada Sabtu.

Arthur bersama Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Mohd Shahar Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori), Mat Iesak Nghatinee dan Pengarah Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom turut melawat projek terung dan cili fertigasi, Felda Sungai Panching Selatan di sini.

Mengulas lanjut Arthur berkata, KPKM mencadangkan supaya petani di Kampung Sungai Atong menukar tanaman sedia ada kepada jagung kerana mengambil masa lebih singkat untuk dituai.

"Saya difahamkan kawasan ini mudah dinaiki air dan banyak tanaman yang diusahakan petani di sini mengambil masa untuk dituai hasilnya.

"Sebelum ini memang ditanam jagung, tapi ada yang tukar (tanam) kepada tembikai dan tebu. Selepas ini kita cadangkan untuk mereka tanam jagung yang juga tanaman singkat masa.

"Maknanya kalau tanam bulan Februari, bulan Ogos atau September sudah boleh tuai, sebelum musim tengkujuh tiba pada hujung tahun," katanya.

Beliau menjelaskan, langkah itu diambil untuk membantu mengekalkan pendapatan golongan petani di situ.

"Ia mungkin boleh mengurangkan risiko di mana pendapatan mereka (sebelum ini) terjejas akibat banjir.

"Selain itu, Jabatan Pertanian juga akan membantu dari segi perkhidmatan jentera, khidmat pengembangan dan sebagainya," ujarnya.



Mohd Shahar (kiri) menyampaikan kit agromakanan makan kepada petani sambil diperhatikan oleh Arthur (dua dari kanan).

Sejak musim tengkujuh melanda negara pada November lalu, seramai 2,095 petani dilaporkan terjejas yang membabitkan kawasan tanaman seluas 4,701 hektar.

Arthur meminta semua petani yang terkesan akibat banjir supaya segera mendaftar dengan pejabat pertanian di daerah masing-masing.

Katanya, selepas pendaftaran dibuat, pihak Jabatan Pertanian akan mengumpul semua data bagi tujuan penilaian di peringkat jawatankuasa berkaitan.

"Seterusnya kita boleh pertimbangkan ke jawatankuasa untuk meluluskan bantuan kepada mereka yang layak.

"Kita akan sentiasa usahakan (bantuan) secepat mungkin bagi membolehkan mereka memulakan (aktiviti) bercucuk tanam dan sebagainya," kata beliau.



Arthur (kiri) dan Mohd Shahar melihat hasil terung fertigasi yang diusahakan di Felda Sungai Panching Selatan.

### REAKSI



*"Saya bersyukur kerana Jabatan Pertanian sudi menyalurkan bantuan dengan memberikan input pertanian yang dapat meringankan beban kami para petani."*

- Mohamad Yusof, 75
Petani



*"Alhamdulillah, dapat juga bantuan dan kami berterima kasih kepada Jabatan Pertanian kerana prihatin dengan nasib golongan petani."*

- Adnan Yob, 66
Petani



*"Bantuan berupa input pertanian seperti baja dan racun yang diterima dapat saya gunakan untuk memulakan aktiviti bercucuk tanam setelah tamatnya musim tengkujuh."*

- Sarina Abdullah, 56
Petani

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Pengilang sedia beri kerjasama, maklumat siasat kartel padi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Gabungan Pengilang Beras Malaysia sedia memberi kerjasama dan maklumat kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat segera isu berkaitan wujudnya kartel yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, pihaknya sedia memberi kerjasama dalam membantu menyelesaikan isu kartel berkenaan yang sudah wujud sejak sekian lama.

Katanya, kartel-kartel yang merangkumi syarikat dan kilang besar berkenaan telah mewujudkan persaingan sekali gus mengawal harga padi di pasaran.

"Kita sedia bagi kerjasama dan maklumat yang diperlukan untuk siasat kartel-kartel ini. Isu kartel ini perlu diselesaikan, jika tidak masalah sama sahaja berulang setiap kali," katanya.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Bahagian Pengawalan Padi dan Beras mengadakan mesyuarat dengan MyCC kelmarin bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.




Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood dilaporkan berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan ditetapkan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Kata Azman, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

Sebelum itu, *Utusan Malaysia* mendedahkan mengenai kewujudan kartel yang menekan nasib pesawah dengan Gabungan Pengilang Beras Malaysia mendakwa ada yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Malah, dakwa Marzukhi, kartel dalam industri beras negara ini juga sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan kelemahan penguat kuasa yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dan import.

Kata Marzukhi, kartel yang dimonopoli syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemborong sendiri di bawah penguasaan mereka wujud sejak sekian lama.

Ujar beliau, isu kekurangan beras berlaku apabila mereka menukar gred atau mencampur beras tempatan menjadi import sekali gus mengaut lebih keuntungan.

Dalam pada itu, Marzukhi mengemukakan cadangan selain daripada menyeragamkan beras menjadi satu gred sahaja, kerajaan juga perlu menetapkan harga maksimum belian padi.

Katanya, ketika ini, harga lantai yang ditetapkan adalah RM1,300 dengan kilang-kilang besar ini bersaing menaikkan harga padi.

"Apabila kartel-kartel yang bersaing membeli padi dengan harga tinggi itu kemudian memanipulasi dengan menukar gred beras untuk mendapat keuntungan. Tetapkan harga maksimum belian padi RM1,300 dan perlu diikuti oleh semua kilang-kilang," katanya.

Sementara itu, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh,48, berkata, tindakan perlu segera dikenakan terhadap kartel-kartel yang sememangnya sudah bertapak sekian lama.

"Siasatan perlu dilakukan secara lebih serius bagi menyelesaikan isu kartel padi ini yang terus menekan pesawah. Penguat kuasaan perlu lebih tegas untuk menyelesaikan isu kartel ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

BARIM DAKWA ADA 'PERMAINAN' PIHAK DALAM DI BERNAS

# 'Kita tidak mahu tuduh sesiapa'

Oleh Amir Abd Hamid
dan Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

**Rawang**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menyiasat dakwaan Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mengenai 'permainan' pihak dalam Padiberas Nasional Bhd (Bernas) berkait isu beras.

> "Tidak mahu tuduh, tetapi pandang serius apa saja perkara" — Mohamad Sabu

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya bagaimanapun tidak mahu menuduh sesiapa dan sebarang tindakan lanjut akan dibuat berdasarkan hasil siasatan.

"Itu saya kata dalam siasatan, saya tidak mahu menuduh sesiapa, tetapi kita memandang serius apa saja perkara.

"Ataupun struktur hal beras dan padi itu yang dibentuk pada 2008, apakah perlu dikaji semula.

"Jadi (mungkin) pihak kerajaan akan menilai semula dari sudut pengkajian semula struktur organisasi hal beras di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melawat ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd sempena program Santai Akuakultur Yang Berhormat Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bersama Media, di sini, semalam.

Sementara itu, Mohamad juga mengulas dakwaan mengenai benih padi sah yang tidak bermutu diedarkan kepada pesawah sejak 10 tahun lalu.

"Saya akui (isu) benih padi ini sentiasa dalam permasalahan. Jadi kita akan menangani masalah itu dengan cara terbaik," katanya.



MOHAMAD (kiri) melawat ladang pembenihan dan ternakan ikan air tawar ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd di Rawang.

Mengenai pertemuan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) pada Jumaat lalu bagi perbincangan mengenai isu-isu berkaitan industri padi dan beras, Mohamad meminta semua pihak bersabar kerana ia masih di peringkat perbincangan dan siasatan.

Portal Harian Metro pada 12 Januari lalu melaporkan Presiden Barim, Ismail Awang dilaporkan berkata, ada *games* (permainan) tertentu di dalam Bernas dan pendedahan persatuan pengilang padi berhubung dakwaan berlaku isu kartel mungkin benar berlaku.

Manakala, Pengerusi Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Termizi Yop dilaporkan berkata, selepas 10 tahun pihak berkenaan mengeluarkan benih padi sah yang dikatakan bermutu kepada pesawah, sepatutnya hasil padi meningkat namun apa berlaku sekarang hasil padi menurun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | THE STAR | NATION | 5 |

# No rain a pain for padi farmers

## Some have stopped watering their fields due to dried up water sources nearby

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Padi farmers are getting hot and bothered in anticipation of prolonged drier and warmer weather expected up north of the peninsula due to the effects of an ongoing El Nino.

Already, parts of Kedah, which accounts for about 40% of Malaysia's total rice production and is known as the country's rice bowl, have not seen rain since late December.

Farmers Area Organisations (PPK) Pendang Selatan chairman Abdullah Mohamad said parts of Kedah had not received any rainfall for the second consecutive month.

"For the past month, the weather has been extremely hot and unbearable.

"The scorching weather will continue until the second season," he said, adding that padi fields in some highland areas had been affected by the dry season.

"We have started planting but with the arrival of the dry season, we have stopped fertilising and watering to reduce losses.

"Otherwise, if we continue fertilising, the plants will not grow," he said, adding that some rice farmers in the Pendang Selatan area had also ceased fertilising and watering their fields due to the dried up water sources nearby.

However, padi fields in the Muda Agricultural Development Authority (Mada) area are currently unaffected as it has been raining there.

Padi farmers, said Abdullah, were currently intently observing the weather conditions.

"If there is rainfall in the next two weeks, they can begin planting in April.

"This is a recurring cycle that cannot be avoided.

"Due to the hot weather and the scarcity of water sources in highland areas, even pumping river water for irrigation cannot sustain the entire season. The rivers will also dry up," he said.

Kedah Padi Planters Federation member Wan Maharuddin Sulaiman expressed concerns about the adverse impact of the prolonged dry spell in the Pokok Sena area.

"For almost a month now, there has been no rain, and the scorching weather has created a breeding ground for rice pests like caterpillars. This poses a significant threat to our rice harvest," he said when contacted.

Acknowledging the challenges faced by rice farmers, he highlighted the current struggle with pest infestations in many fields.

"It's challenging to predict the weather, and the emergence of rice pests is not something farmers can control. If it doesn't rain soon, without sufficient water, it will undoubtedly affect the rice harvest.

"The rice we planted has been growing for two months, and the extent of the damage can only be determined after the rice is harvested.

"It's understood that some areas have already started harvesting early," he added.



**Cause for concern:** A filepic showing one of the padi fields in Kampung Charok Kering, Pendang. Parts of Kedah have not seen rain since late December. – ZHAFARAN NASIB/The Star

He also expressed concerns that excessive pesticide spraying could lead to soil contamination in the rice fields, leaving farmers with limited options at the moment.

Climate experts have warned last year that preparations must be made in anticipation of water shortages and higher grain prices in view of El Nino, which is expected to exacerbate the dry and warm weather up north in the beginning of the year.

They warned that the drier and warmer conditions would not only affect Malaysia but also other crop-growing nations in the region, which the country relied on for rice and grain imports.

According to a statement from the Meteorological Department or MetMalaysia on Dec 31, most international climate models predicted atmospheric conditions in the Pacific Ocean to be consistent with a strong El Nino lasting until the second quarter of the year.

"The El Nino phenomenon can cause drier weather and usually occurs for a period of between nine and 12 months and sometimes can last up to two years," it said.

On Oct 6, 2023, MetMalaysia deputy director-general (operations) Lim Ze Hui was quoted as saying that data from March to April this year showed extreme heat hovering in the 35°C to 36°C range in Malaysia as well as in Thailand, Vietnam, India and southern China, which recorded temperatures up to 45°C, and that there were worries that this would repeat come March and April with temperatures being higher due to El Nino.

The El Nino is a naturally occurring climate pattern associated with the warming of the ocean surface in the Pacific Ocean.

Mada had said earlier this year that drawing on past experiences, it remained proactive in monitoring current weather changes and staying prepared for potential El Nino situations.

"This involves close attention to weather forecasts and heeding warnings from MetMalaysia.

"Mada will closely monitor rice planting activities to ensure the efficient distribution of water supply in line with predefined phases. As a precaution during El Nino occurrences, Mada optimises the use of reuse pump stations to conserve water from dams and deploys mobile pumps to supply water to highlands and problematic areas," it said.

Mada also urged farmers to expedite their activities, strictly adhering to the designated rice planting schedule.

"Recommendations include implementing wet rotation and conducting planting activities in accordance with established phases. Collaborative efforts among farmers in judiciously managing water at the rice padi level are essential to ensure optimal water distribution and prevent wastage," it said.

# Mat Sabu: Govt to address cartels claims in rice system

**KUALA LUMPUR:** The possibility of restructuring of the existing rice system is being examined to address claims of irregularities and cartels, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the ministry viewed seriously the allegations of the existence of rice cartels or occurrence of "games" by certain parties in the sector.

"We view this (rice issue) seriously and will do whatever we can, including the restructuring of the rice and padi system, whether it needs to be reviewed ... the government will reassess from the point of view of the structure of the rice organisation in Malaysia," Mohamad said during a working visit to a freshwater fish pond in Rawang yesterday, Bernama reported.

The Bumiputera Rice Association of Malaysia (Barim) had made the allegations of games and cartels within the industry.

Barim president Ismail Awang reportedly said that association members did not receive local rice supplies from Padiberas Nasional Bhd (Bernas) while most supermarkets received their supplies.

Mohamad said several industry-related issues were still being discussed between the Malaysian Competition Commission (MyCC) and Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Right now, these (issues) are still in the discussion stage and if there are any irregularities, action will be taken. But we will wait for the results of the investigation," he said.

Meanwhile, in relation to the aquaculture industry, Mohamad said the ministry had set the industry's production target at 500,000 tonnes for this year.

He also said this could be achieved by empowering revenue resources, which are 60% in aquaculture and 40% in capture fishery.

At the same time, Mohamad added that the campaign to increase people's interest in freshwater fish products needed to be intensified in order to further increase the demand for these products.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI SELANGOR | 28 |

# Jabatan Perikanan pantau isu curi benih kerang di Sekinchan

**RAWANG** - Jabatan Perikanan mempertingkatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengatasi isu kecurian benih kerang di pantai Sungai Leman di Sekinchan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya tidak menafikan kegiatan itu dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanterasnya.

Menurutnya, berdasarkan maklumat awal diterima, kegiatan kecurian itu berlaku khususnya pada waktu malam dan tindakan pemantauan serta penguatkuasaan ditingkatkan.

“Jabatan sudah mengeluarkan permit kepada mereka yang berminat mengambil benih kerang secara sah.

“Ini kerana di bawah peraturan sedia ada, hanya benih bersaiz lebih empat milimeter sahaja boleh dikeluarkan lesen,” katanya di sini pada Ahad.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Ceroboh laut curi ikan Perak



SEBAHAGIAN daripada nelayan warga asing yang ditahan dalam operasi di Pulau Jarak, Lumut Jumaat lalu.

**LUMUT** – Kedegilan sekumpulan 18 nelayan asing yang terus menceroboh perairan negara untuk menangkap ikan memakan diri apabila ditahan sepasukan penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) di kilometer 1.8 tenggara Pulau Jarak di sini Jumaat lalu.

Nelayan warga Thailand dan Kèmboja berusia antara 24 hingga 57 tahun itu diberkas pada pukul 10.40 pagi oleh *KM Tugau* yang sedang melakukan Op Sayong, Tanjung dan Tiris di perairan Perak.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, bot itu dikendalikan tekong warga Thailand dan kesemua mereka mempunyai dokumen pengenalan diri sah.

Bagaimanapun katanya, nelayan itu tidak mempunyai kelulusan untuk menggunakan peralatan komunikasi dan beroperasi kurang 27 kilometer dari daratan.

"Kita juga menemui 60 liter air ketum dan 200 kilogram hasil laut yang ditangkap secara haram. Kesemua nelayan itu ditahan, manakala bot, air ketum dan hasil tangkapan dirampas untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurut Mohd. Hambali, kes disiasat mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 dan Akta Perikanan 1985 yang memperuntukan hukuman penjara atau denda jika sabit kesalahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# Varieti benih padi perlu diuji kesesuaian

**PETALING JAYA:** Varieti benih padi perlu diuji sehingga tujuh tahun sebelum dapat memastikan ia berpotensi untuk ditanam di Malaysia bagi berhadapan dengan isu-isu dihadapi tanaman padi sesuai mengikut kawasan masing-masing.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Rafii Yusop berkata, pengujian itu perlu dilakukan sebelum disyorkan supaya ia bukan sahaja dapat disesuaikan dengan masalah dihadapi di kawasan itu, tetapi keadaan tanah.

"Ada sebahagian varieti yang boleh ditanam di mana-mana dipanggil varieti yang stabil merentasi kawasan. Ada juga varieti yang boleh ditanam di pelbagai lokasi kerana prestasinya merentasi lokasi.

"Ada sebahagian varieti hanya spesifik khusus untuk kawasan tertentu berdasarkan jenis tanah, lokaliti dan kesuburan tanah.

"Jadi kena buat pengujian sebelum syorkan sebab perlu ambil kira kalau tanah bermasalah seperti asid sulfik, tanah yang masam atau tanah yang selalu banjir," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas varieti apa berpotensi untuk ditanam di Malaysia bagi berhadapan dengan isu-isu padi sesuai mengikut kawasan.